

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN
KEBANGSAAN, DI SG. SIPUT PERAK
11 OGOS 2001

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana pada hari ini saya dapat bersama- sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di Negeri Perak Darul Ridzuan untuk meraikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2001. Hari ini merupakan hari yang amat bermakna kepada peladang, penternak dan nelayan. Hari ini kita berkumpul di sini untuk menghargai sumbangan tuan-tuan dan puan-puan kepada pembangunan sektor pertanian negara. Saya ucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pertanian, Kerajaan Negeri Perak, LPP, NAFAS, NEKMAT dan semua pihak yang telah bertungkus- lumus menjayakan HPPNK pada tahun ini dengan begitu meriah.

2. Tema sambutan "Pertanian Moden Membina Negara" pada tahun ini amat tepat sekali. Ia selaras dengan visi baru kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian bahan makanan supaya sektor ini menjadi jentera pertumbuhan ekonomi ketiga bagi negara. Memang wajar bagi negara mempunyai satu Wawasan Pertanian yang jelas pada masa ini, selepas kita mempunyai Rancangan Buku Hijau yang ditinggalkan kepada kita oleh Tun Abdul Razak (allahyarham) kira-kira 27 tahun yang lalu. Terus terang saya katakan, walaupun kita berada dalam era sains dan teknologi serta era perindustrian, namun kerajaan tidak pernah lupa untuk mencari jalan bagi meningkatkan pendapatan para peladang, penternak dan nelayan negara ini. Kita mahu memajukan sektor pertanian ke tahap yang lebih tinggi dan canggih. Dengan cara ini sahaja kita boleh menjamin bekalan makanan yang mencukupi, bermutu, selamat dan dijual pada harga yang berpatutan.

3. Pada alaf baru ini dan sehinggalah kita menempuh tahun 2020, para peladang, penternak dan nelayan akan berhadapan dengan perubahan yang besar. Kita akan menghadapi perubahan amalan perdagangan antarabangsa, perlindungan pasaran, AFTA dan persaingannya adalah amat sengit terutama dari negara-negara yang mengeluarkan hasil dan barangan pertanian yang sama. Kita tidak boleh pandang ringan masalah ini kerana sektor pertanian masih lagi menjadi sumber pendapatan utama bagi sebahagian penduduk di negara ini terutama yang berada di luar bandar. Sekiranya kita mahu berjaya dalam persaingan tersebut para petani, penternak dan nelayan tidak ada jalan lain kecuali mesti bersedia dan sanggup untuk menerima perubahan terutamanya mengamalkan pertanian moden .

5. Pada masa ini, pengeluaran bahan-bahan makanan di buat secara kecil-kecilan oleh ramai petani yang mempunyai tanah-tanah yang kecil. Kita kurang memberikan tumpuan untuk menjadikan pengeluaran bahan makanan sebagai satu industri dan dilaksanakan secara berskala besar. Selain daripada penanaman komoditi kelapa sawit dan getah yang dilakukan secara estet, aktiviti tanaman lain khasnya bagi bahan makanan masih lagi diusahakan secara kecil-kecilan dan tradisional.

6. Apabila pengeluaran tempatan terhad dan produk tidak mencukupi, kita perlu mengimport daripada luar. Umpamanya cili, kita banyak mengimport produk ini dari Thailand. Kita boleh menanamnya dengan mudah bagi memenuhi keperluan negara dan dijual dengan harga yang lebih baik jika dikeluarkan sendiri. Tetapi jumlah cili

yang diimport bagi tahun 2000 bernilai RM 15.2 juta dan dari Thailand sahaja adalah RM 13.8 juta ataupun 91% daripada keseluruhan import. Bagi tempoh Januari - Februari 2001 sahaja nilai import adalah RM 3.1 juta dan dari Thailand sahaja sejumlah RM 2.4 juta, iaitu 80% daripada jumlah import.

7. Ini bermakna kita perlu berusaha untuk mengimbangi dagangan pertanian kita supaya dapat mengurangkan pengaliran wang keluar dan menjimatkan pertukaran wang asing. Salah satu caranya adalah dengan meningkatkan pengeluaran sektor pertanian, selaras dengan wawasan pertanian kita, untuk menjadikan negara kita sebagai pengeluar terancang dan termoden bahan-bahan makanan bagi keperluan negara dan juga untuk eksport.

8. Dalam era globalisasi dan liberalisasi perdagangan ini, sektor pengeluar makanan negara perlu dibangunkan menjadi satu sektor bertaraf dunia yang berdaya saing. Daya saing sektor ini boleh ditingkatkan melalui penggunaan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran. Sekiranya cabaran-cabaran ini tidak berjaya diatasi, dikhuatiri keupayaan sektor ini akan menurun dan menjadikan ia tidak boleh berdaya saing lagi apabila bahan-bahan makanan import dapat dijual pada harga yang lebih rendah daripada produk tempatan. Malaysia telah menjadi pelopor industri-industri kelapa sawit dan getah yang bertaraf dunia (world class). Tiada sebab kita tidak dapat mempelopori pula industri makanan. Untuk menjadi "world class" kita patut sedar tentang perkembangan-perkembangan dan aliran dunia, samada ekonomi, sosial dan teknologi.

9. Kini kesedaran amat tinggi tentang alam sekitar dan perlunya diadakan pembangunan mapan, yang mesra alam. Kita sekarang sedar bahawa hutan tidak boleh ditebang sewenang-wenangnya kerana hutan ada fungsi- fungsi alam sekitar seperti pemeliharaan kekayaan biologi negara, sumber air dan mengekalkan suhu dunia. Oleh yang demikian kita tidak dapat membuka tanah di bawah hutan untuk maksud pertanian sekadar 20 - 30 tahun dahulu. Justeru itu kita perlu menggunakan tanah yang telah diperuntukkan untuk pertanian secara optima, iaitu meningkatkan pengeluaran daripada keluasan tanah yang sama. Sebahagian besar daripada tanah pertanian kita ditanam dengan getah dan kelapa sawit sebagai tanaman tunggal. Ladang-ladang ini boleh digunakan untuk ternakan haiwan juga. Pertanian integrasi seperti ini lebih mesra alam berbanding dengan tanaman tunggal atau 'monocropping' kerana penggunaan racun rumpai dapat diberhenti atau dikurangkan. Kerajaan ingin melihat lebih banyak lagi pertanian integrasi atau pertanian campuran (mixed farming) diwujudkan. Ladang seperti ini juga boleh dipromosikan sebagai salah satu daripada tarikan pelancongan dan hasil pendapatan akan ditingkatkan daripada biasa melalui kunjungan para pelancong serta jualan hasil pertanian. Saya syorkan pemilik tanah terbiar yang tidak berkesanggupan untuk mengerjakan tanah mereka memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha yang sanggup mengusahakannya, sama ada agensi awam ataupun swasta secara usahasama. Mereka boleh memiliki saham dalam syarikat ini mengikut nilai tanah mereka.

10. Izinkan saya menyentuh tentang aspek mutu dan keselamatan pengeluaran makanan yang tidak boleh diabaikan samasekali. Makanan yang tercemar bukan sahaja merugikan pengeluar malah mencemarkan juga imej negara pengeluar produk tersebut. Kita telah lihat apabila berlaku serangan penyakit lembu gila, banyak negara telah mengharamkan daging dan produk-produk ternakan dari negara berkenaan. Oleh itu sebarang produk makanan yang kita hasilkan patut mencapai taraf dunia dari segi mutu dan keselamatan makanan. Pengeluar

hendaklah menentukan mereka arif tentang amalan pertanian yang baik atau 'good agricultural practice', amalan-amalan pertanian yang bukan sahaja mesra alam tetapi juga menghasilkan produk yang selamat dimakan, yang tidak mengandungi sisa baki racun berlebihan. Di sini saya sarankan kepada semua agensi kerajaan yang berkaitan supaya menyebarkan dengan meluas panduan 'good agricultural practices' atau gap dan mengiktiraf ladang yang mengamalkannya. Dalam hubungan ini saya diberitahu negeri Sarawak sudah ada Skim Persijilan Sayur-sayuran 'pesticide safe'. Usaha ini patut dicontohi di lain-lain negeri dan untuk semua produk makanan. Ladang-ladang ternakan patut mengamalkan 'good animal husbandry practice' dan ladang-ladang ternakair 'good aquacultural practice'. Pemeroses-pemeroses makanan hendaklah mengikut 'good manufacturing practice' atau GMP.

11. Malaysia mempunyai potensi untuk menerokai sektor makanan untuk dimajukan dengan lebih luas lagi, sama ada dalam bentuk pengeluaran asas ataupun setelah diproses. Umpamanya, industri ayam. Industri ayam ini telah berkembang dengan pesat dengan penglibatan pihak swasta dan dibuat secara komersil. Ia dijalankan secara penggabungan pengeluaran input sehingga ke pengeluaran produk ayam untuk pengguna. Dengan kecekapan dan beroperasi secara berskala besar dan penggunaan teknologi terkini maka kita semua dapat menikmati bekalan daging dan telur ayam yang banyak, mudah diperolehi dan murah. Jika dahulu ayam dimakan semasa perayaan sahaja kini ayam telah menjadi makanan harian bagi rakyat Malaysia. Saya juga mendapat tahu bahawa ada pihak swasta yang mengusahakan industri ayam ini telah membuka peluang kepada individu-individu menternak ayam secara 'contract farming' dan membeli balik ayam-ayam ini dengan harga yang berpatutan. Ia telah dilaksanakan dengan jayanya oleh syarikat ini dan banyak pihak telah mendapat manfaat darinya.

12. Untuk kita mencapai hasrat untuk menjadikan negara kita sebagai pengeluar bahan makanan, penggunaan dan pengamalan teknologi moden merupakan antara langkah dan strategi yang perlu diambil. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mengubah cara pengendalian tanah, tanaman atau penggunaan bahan-bahan pertanian lain. Sistem pengendalian tanah dan tanaman perlu ada. Ia harus dijalankan secara teratur dan terancang. Begitu juga halnya dengan nelayan dan penternak kita. Dalam era ICT atau teknologi maklumat dan komunikasi segala maklumat terbaru mengenai pertanian mudah diperolehi. Sebab itu peladang, penternak dan nelayan perlu celik I.T supaya mereka dapat pengetahuan yang terkini dalam pertanian dan juga menggunakannya untuk pemasaran yang lebih cekap dan menguntungkan. Dalam hubungan ini saya tertarik dengan laporan mengenai seorang pekebun dusun durian di Pulau Pinang yang telah dapat melipatgandakan perniagaannya melalui internet.

13. Petani, nelayan dan penternak pada masa kini dan akan datang perlu terdiri dari mereka yang berpendidikan dan lebih terlatih. Untuk tujuan itu, setiap agensi di bawah Kementerian Pertanian mempunyai program-program tertentu untuk melatih peladang, penternak dan nelayan dalam menggunakan teknologi bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta menghayati budaya keusahawanan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Di sini, saya menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan merebut peluang-peluang ini bagi memperolehi kepakaran dan kemahiran untuk menjadi usahawan tani yang lebih dinamik dan moden selaras dengan perkembangan semasa.

16. Kerajaan telah meluluskan Dasar Pertanian Negara Ketiga dan pelan tindakannya untuk dijadikan panduan bagi pembangunan sektor pertanian pada dekad pertama

alaf ini. Dasar ini menggariskan perubahan sektor pertanian secara berperingkat dan berkesan daripada yang berasaskan komoditi kepada pertanian yang berasaskan kualiti dan produk yang bergantung lebih kepada pengetahuan dan maklumat. Saya penuh yakin kita mampu untuk melaksanakan perubahan ini.

17. Dalam melaksanakan projek-projek pertanian moden, negara juga perlu menerokai produk-produk baru atau baru secara relatifnya kerana ia belum wujud secara komersil dalam pasaran tempatan. Umpamanya, produk- produk herba dan rempah-ratus yang mempunyai potensi memandangkan kebanyakan yang digunakan untuk masakan atau perubatan pada ketika ini diimport. Nilai tahunan bagi industri herba sahaja di Malaysia dianggarkan sebanyak RM 1.5 billion dan kebanyakannya diimport khusus dari negara Indonesia dan China. Adalah dianggarkan terdapat 1,230 spesis tumbuhan herba di Semenanjung Malaysia yang mempunyai nilai perubatan. Malaysia juga mempunyai banyak lagi varieti bahan asli khususnya di Sabah dan Sarawak yang masih belum dimanfaatkan. Kebanyakan daripada spesis-spesis ini sukar didapati kerana hidup liar di hutan semulajadi termasuk Tongkat Ali yang mana permintaan telah meningkat dengan mendadak dan banyak digunakan untuk pelbagai tujuan. Hanya sedikit sahaja ditanam secara tersusun untuk pengeluaran komersil. Malaysia mempunyai prospek untuk mengeluarkan herba dan rempah ratus bukan sahaja untuk memenuhi permintaan pasaran domestik tetapi juga untuk menembusi pasaran antarabangsa. Di antara jenis-jenis rempah yang berpotensi untuk diusahakan di negara ini adalah buah pelaga, kayu manis, cengkih, buah pala, limau purut, daun kari, kunyit, serai, lengkuas dan halia.

18. Bioteknologi adalah salah satu bidang sains utama yang berkembang di negara maju. Pembangunannya menandakan arus baru kemajuan teknologi. Di Amerika Syarikat, industri bioteknologi pertanian dan bioteknologi farmaseutikal pada masa ini menampung kira-kira 100,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam 1,300 buah firma bioteknologi. Industri ini dijangka menghasilkan jualan yang dianggarkan bernilai RM 125 billion pada tahun 2005.

19. Di Malaysia, industri bioteknologi pertanian ini masih baru. Bioteknologi pertanian boleh meningkatkan produktiviti dan menambahkan lagi bekalan makanan. Ianya mampu menghasilkan varieti tanaman dan ternakan yang baru dengan cepat, tepat dan cekap. Varieti ini mempunyai ciri-ciri yang antara lainnya berhasil tinggi, tahan makhluk perosak dan penyakit serta berupaya mengeluarkan produk lebih berkualiti dengan nilai protein tinggi dan tempoh hayat yang lebih lama. Satu-satunya industri berasaskan bioteknologi pertanian yang terdapat di negara ini ialah industri tisu didik yang melibatkan orkid dan pisang. Kerajaan telah mengenalpasti bioteknologi sebagai teknologi teras yang diberi tumpuan khas dan penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam bidang ini diberi keutamaan. Badan-badan penyelidikan dan universiti tempatan perlu bekerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk membangunkan bioteknologi pertanian serta memindahkan teknologi ini kepada peladang, penternak dan nelayan.

20. Untuk merealisasikan dan memastikan usaha pemodenan ini berjaya, Kementerian Pertanian telah memperkenalkan konsep 'MOA Incorporated' yang mana Kementerian Pertanian bersama-sama dengan 12 Jabatan/Agensi di bawahnya bersatu dalam menyediakan pelan-pelan tindakan serta mempertingkatkan usaha untuk menyediakan maklumat- maklumat berkaitan serta khidmat nasihat dan sokongan kepada pihak swasta dan kumpulan sasaran. Bagi projek- projek berpotensi yang disokong oleh Kementerian Pertanian, segala kemudahan yang diperlukan bagi menjayakan sesuatu projek seperti perolehan tanah, pinjaman bank,

insentif, teknologi, benih dan baka akan diberi bantuan serta khidmat nasihat oleh Kementerian Pertanian.

21. Kerajaan juga telah merangka dan sedang melaksanakan strategi dan projek-projek untuk peningkatan pengeluaran makanan dan pendapatan peladang, penternak dan nelayan. Antaranya ialah program taman kekal pengeluaran makanan, Projek Perdana, zon pengeluaran makanan, ladang satelite, nelayan moden dan Skim Bantuan Tanaman dan aktiviti pelbagaian luar bandar bagi membantu pekebun kecil. Bantuan akan diberi oleh Agensi-agensi teknikal seperti MARDI, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan. Pasaran bagi keluaran projek- projek ini akan ditentukan sebelum kerja-kerja dimulakan dengan bantuan FAMA. FAMA juga akan memperkenalkan Projek Terminal Makanan Negara/Negeri (TEMAN) yang berperanan dan bertanggungjawab dalam pengagihan bekalan makanan negara. Para petani dan penternak dijamin dapat memasarkan hasil-hasil pertanian dengan harga yang lebih baik secara berterusan.

12. Melalui projek-projek ini diharapkan akan lahir usahawan-usahawan yang berjaya dalam bidang pertanian. Para usahawan tani dan pihak swasta adalah dijemput menyertai usaha kerajaan ini dengan mengambil bahagian secara aktif dalam projek-projek seumpama ini. Segala rancangan kerajaan ini tidak lain hanya bertujuan untuk memperbaiki nasib rakyat khususnya yang berada di luar bandar.

23. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua peladang, penternak dan nelayan yang telah sama- sama menyumbang kepada pengeluaran makanan negara.

24. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan sambutan "Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2001".

Terima kasih.